

Tidak bercadang tubuh

UM 2 4 DEC 2001

KUALA LUMPUR 23 Dis. — Kerajaan tidak bercadang menubuhkan tribunal bagi menyiasat dakwaan kononnya wujud pemisahan pelajar mengikut kaum di sekolah rendah dan menengah di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana perkara itu boleh diselesaikan secara pentadbiran melalui siasatan oleh jabatan berkenaan.

Lagipun, katanya, kerajaan tidak pernah mempunyai dasar yang mewujudkan pemisahan kaum di sekolah-sekolah.

"Saya tidak fikir kita perlu tubuhkan tribunal dalam hal ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pangsapuri PNB Darby Park di Jalan Binjai di sini, malam ini.

Beliau ditanya sama ada kerajaan mungkin menubuhkan sebuah tribunal bagi menyiasat perkara itu.

Baru-baru ini Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, pihaknya sedia menimbang untuk menubuhkan sebuah tribunal bagi menyiasat dakwaan berkaitan perkara itu yang dibuat oleh Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), N. Siva Subramaniam.

Siva mendakwa 10 peratus daripada sekolah-sekolah rendah di negara ini mengamalkan dasar pemisahan itu yang kononnya untuk memudahkan pengajaran Pendidikan Islam dan Moral.

Bagaimanapun, dakwaan itu dinafikan oleh kebanyakan sekolah terlibat manakala pelbagai kesatuan guru, guru besar dan pengetua menganggap tuduhan itu sebagai sesuatu yang karut.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu bagaimana dakwaan tersebut boleh timbul sambil menyifatkannya sebagai kes terasing.

Bagaimanapun, kata beliau, kerajaan sedia memperbaiki masalah itu jika benar ia berlaku.

Dalam hal ini, beliau tidak menolak kemungkinan masalah itu timbul berpunca daripada kelemahan pentadbiran oleh sege-lintir pegawai kerajaan tertentu.

"Kita akan melihatnya. Mungkin ada pegawai

kerajaan mempunyai tafsiran berbeza terhadap sesuatu dasar kerajaan.

"Kalau ada salah tafsiran kita akan ambil tindakan untuk memperbaikinya," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan kadang kala berada dalam keadaan sukar apabila ada

pihak tertentu sering menganggap apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan berhubung dengan pendidikan pelajar sebagai sesuatu yang salah.

Sebagai contoh jelas beliau, apabila kerajaan cuba menempatkan pelajar yang masih

tribunal — PM

muda dari pelbagai kaum dalam satu sekolah kebangsaan, wujud bantahan keras daripada pihak tertentu.

Bagaimanapun apabila diteruskan penempatan pelajar di sekolah yang berasingan, menurut Dr. Mahathir, mereka sekali lagi

membantahnya dengan mendakwa pula pihak berkuasa cuba mengasing-asingkan rakyat di negara ini.

Sedangkan jelas Dr. Mahathir, kerajaan sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk memberikan pendidikan yang terbaik kepada para pelajar mengikut keperluan mereka.